



**KONGRESS KESATUAN SEKERJA MALAYSIA**

**MEMORANDUM KEPADA**

**YAB DATUK SERI ABDULLAH AHMAD BADAWI**

**GAJI MINIMA RM900 DAN**

**ELAUN KOS HIDUP RM300**

*Fighting poverty*

*Establishing a minimum wage may positively affect employment and industrial peace and is a means of fighting poverty. States have a major role to play in this and certain conditions have to be met. One of them is social dialogue.*

*ILO -2002*

Sumbangan kaum pekerja terhadap perkembangan ekonomi dan pembangunan negara termasuk kerjasama dalam pengekalan keharmonian perusahaan telah menerima penghargaan dan pengiktirafan. Namun demikian terdapat segelintir daripada kaum pekerja di negara ini masih kekal menerima gaji pada kadar yang rendah dan tidak berupaya untuk menikmati keperluan asas untuk kehidupan harian. Majoriti daripada mereka terdiri daripada pekerja-pekerja tidak mahir dan berada di luar dari skop perlindungan kesatuan sekerja. Gaji bagi pekerja-pekerja yang diwakili oleh kesatuan sekerja juga kurang memuaskan. Ini dapat di lihat hasil dari tinjauan MTUC terhadap beberapa perjanjian bersama dari kesatuan gabungan

Sungguhpun majikan-majikan di negara kita memperolehi keuntungan besar, namun gaji asas pekerja-pekerja contohnya di sektor perladangan di seluruh negara masih dibayar kurang dari RM400 sebulan. Bagi pekerja-pekerja dalam sektor tekstil dan pakaian yang diwakili oleh kesatuan sekerja gaji bulanan yang diterima adalah seperti berikut:

-Kangar, Kulai	-	RM366
-Kluang	-	RM353
-Labis, Segamat, Tangkak, Jementah	-	RM332
-Johor Bahru	-	RM286 ke RM450

-Bayan Lepas FTZ  
-Prai FTZ

- RM364 ke RM426

Dalam industri Pembuatan Barangan Galian Bukan Logam(Non Metallic) gaji minima yang berjaya diperolehi oleh Kesatuan sektor tersebut di dalam Perjanjian Bersama mereka di antara RM400 hingga RM550 sebulan. Di Johor Bahru pula kos sara hidup adalah terlalu tinggi namum demikian pekerja-pekerja kilang dibayar gaji bulanan serendah RM390 dan bayaran yang tertinggi tidak melebihi RM600. Tinjauan MTUC juga mendapati bahawa hotel bertaraf lima bintang di Kuala Lumpur hanya membayar gaji pokok sebanyak RM290 sebulan kepada pencuci dan pelayan.

Kerajaan telah berulang kali menolak tuntutan MTUC untuk pelaksanaan perundangan gaji minima dengan alasan bahawa pasaran melalui permintaan dan pembekalan akan menentukan kadar gaji pekerja-pekerja. Malahan majikan-majikan yang gagal untuk membayar kadar gaji yang munasabah dan adil kepada pekerja-pekerja tidak akan dapat menarik pekerja untuk memenuhi keperluan mereka.

Malangnya, tindakan kerajaan terus menolak tuntutan MTUC terhadap pelaksanaan perundangan gaji minima telah menggalakkan penghijrahan pekerja asing sehingga negara kita dibanjiri oleh pekerja-pekerja asing yang dibayar gaji yang amat rendah dan persekitaran kerja yang amat buruk. MTUC beranggapan tindakan kerajaan ini adalah untuk menghalang dan menyekat proses peningkatan gaji.

MTUC berpendapat kenaikan gaji 35 % dan 100 % elaun sara hidup yang diumumkan oleh kerajaan baru-baru ini untuk kakitangan sektor awam merupakan langkah pertama kerajaan untuk memastikan golongan berpendapatan rendah dapat menikmati kehidupan harian asas yang selesa dan memuaskan. Maklum balas serta reaksi daripada pekerja-pekerja sektor awam dan keluarga mereka berhubung kesan positif kenaikan gaji tersebut ke atas taraf kehidupan mereka jelas menunjukkan bahawa kenaikan gaji tersebut adalah wajar. Di samping itu adalah amat membanggakan apabila indek pasaran saham juga menunjukkan prestasi yang positif susulan dari kenaikan gaji kakitangan sektor awam.

Sebelum ini kerajaan pernah menyatakan bahawa proses globalisasi dan keperluan pengekaln persaingan adalah satu sebab utama bagi gaji dikekalkan pada tahap yang rendah.

### ***Fundamental ingredients***

***There is an undeniable correlation between insecurity on the one hand, and the quantity and quality of work that is “available” and within the reach of the majorities on the other. Less work means lower labour costs and less spending on social protection, but also fewer consumers. Who will consume the national or international products of this or any other globalization? Who will have the capacity to save and hence foster future financing and development? How will people resist the fast-yielding criminal economy, when all the other forms of economic activity do not manage to satisfy even the basic necessities?***

***ILO – On Social Protection***

Adalah tidak wajar bagi kerajaan untuk terus melewatkan pelaksanaan perundangan gaji minima untuk semua golongan pekerja. Dengan melaksanakan gaji minima, kerajaan boleh menarik lebih ramai pekerja-pekerja tempatan dan tidak perlu bergantung pekerja asing.

***Decent work as a productive factor***

*Probably the clearest link between social efficiency and productivity is found at the firm level. Enterprises have been showing that what makes work decent can also pay economic dividends. A substantial body of research shows positive effects of wages on productivity. Social dialogue in the workplace is a source of increased commitment and worker productivity. Various enterprise-level studies show the positive influence of profit – sharing, job quality and worker participation in decision making on worker attitudes, motivation and productivity. Management models developed in the retail sector in the United States, for instance, suggested that improvements in employee job satisfaction and commitment were the key to increases in customer satisfaction, and applying the model led to substantial increases in sales.*

***ILO – Reducing The Decent Work Deficit***

## **CADANGAN MTUC BAGI GAJI MINIMA RM900**


Walaupun cadangan gaji minima RM900 sebulan yang kini dituntut oleh MTUC adalah berdasarkan kepada kajian yang dilaksanakan terhadap kos sara hidup pada awal tahun 2000, namun Majlis Am MTUC telah membuat keputusan untuk kekal dengan cadangan tersebut.

Akta Kerja pada sedia ada pada masa ini hanya memperuntukkan syarat minima bagi cuti tahunan, cuti sakit, cuti umum, jumlah jam bekerja dan beberapa terma dan syarat lain dan senyap terhadap isu asas dan penting iaitu gaji. Kelonggaran ini telah mengakibatkan eksploitasi. Akta Kerja 1955 seharusnya digubal untuk mensyaratkan peruntukan gaji minima RM900.

### **Gaji Minima bagi Kehidupan**

Gaji minima merupakan salah satu elemen mustahak dan penting bagi pergerakan kesatuan sekerja untuk membina, mengekalkan dan meningkatkan kualiti kehidupan kaum pekerja.

Cadangan MTUC adalah mengikut keperluan asas seorang:



Kami tidak percaya bahawa sesiapa yang berperikemanusiaan akan mempertikaikan hak pekerja-pekerja terhadap elemen-elemen asas yang disenaraikan di atas.

Kerajaan perlu campurtangan untuk memastikan taraf hidup pekerja-pekerja bergaji rendah dapat dikekalkan. Gaji minima merangkumi keperluan asas dan cara terbaik untuk meningkatkan kualiti kehidupan golongan berpendapatan rendah dan keluarga mereka. Gaji minima juga merupakan salah satu cara untuk menjaga kepentingan golongan pekerja yang mudah diperdaya dan dieksploitasi. Gaji minima juga adalah satu faktor pengagihan pendapatan.

*From the employer's point of view, paying a minimum wage may increase productivity in three main ways: by minimizing shirking, reducing labour turnover and contributing to social peace. Firstly, the minimum wage is a way of raising productivity by motivating workers. Secondly, uniform wages, such as the minimum wage, contribute to reducing labour turnover, which can be very costly for firms. Thirdly, the minimum wage strengthens social cohesion and is a way for employers to ensure social peace by avoiding conflicts.*

**ILO – Fighting Poverty**

*For governments, a major purpose of the minimum wage is certainly to contribute to alleviating poverty. The minimum wage can act as a social safety net in countries where social security is as yet little developed. Governments have also used the minimum wage to redistribute income in society, to promote productive employment and to enhance demand driven growth. In developing countries, the minimum wage is often at the core of social dialogue. Removing it may amount to seriously damaging the quality of social dialogue.*

**ILO – Fighting Poverty**

## **Kemiskinan yang menjurus kepada rusuhan di Kampung Medan**

Izinkan kami menarik perhatian Yang Amat Berhormat atas laporan terbaru yang diterbitkan hasil kajian Universiti Utara Malaysia terhadap 'kesan dari rusuhan di Kampung Medan' pada Mac 2001.

**Sila rujuk keratan akhbar bertarikh 14hb Mei 2007(dilampirkan)**

*To have national unity, order must come first. We need to aim for zero conflict. But to have zero conflict we must solve the problem of poverty. A strong government policy was needed to tackle poverty - Dr Mansor Mohd Noor Deputy Dean UUM.*

Majoriti keluarga yang menetap di Kg Medan merupakan golongan yang bergantung kepada pendapatan hasil kerja kilang dan bekerja di kilang-kilang sekitar Petaling Jaya, Sungai Way, Subang dan Shah Alam. Mengikut kajian tersebut, 25 % daripada responden Melayu dan 45% responden India menyatakan mereka terpaksa berkompromi dengan kualiti makanan yang rendah disebabkan kos makanan yang agak tinggi. Kajian tersebut juga mendapati bahawa 22% daripada kanak-kanak sekolah tidak dapat menikmati sarapan pagi dan 43% daripada responden perlu berhutang untuk membiayai kehidupan asas.

## **RM300 COLA UNTUK PEKERJAPEKERJA SEKTOR SWASTA.**

Susulan dari peningkatan yang mendadak terhadap harga barangan petroleum tahun lepas, kerajaan telah membayar RM150 COLA kepada kakitangan sektor awam mulai Januari 2006 untuk meringgankan beban mereka. Malangnya majoriti majikan sektor swasta enggan untuk mempertimbangkan sebarang bentuk bantuan kepada pekerja-pekerja mereka.

Sejak pembayaran COLA dilaksanakan, harga barang-barang keperluan harian terutamanya makanan telah naik lebih 30%. Kerajaan hanya boleh mengenakan kawalan harga ke atas barang-barang yang di bawah kawalan sahaja manakala peniaga-peniaga berkuasa menetapkan harga sayur-sayuran, ikan, serta bahan makanan lain mengikut kos dan keperluan keuntungan mereka. Walaupun kerajaan sedar akan pembatasan yang sedia ada, kerajaan tetap mengelirukan orang awam dengan menyatakan bahawa tindakan akan diambil terhadap peniaga-peniaga yang menaikkan harga barangan.

MTUC percaya kerajaan telah menjalankan kajian yang teliti dan mendalam terhadap kos hidup dan kesannya terhadap penerima gaji sebelum membuat keputusan untuk membayar elaun sara hidup RM300 kepada kakitangan sektor awam.

Adalah tidak adil untuk mengecualikan lebih dari 8 juta pekerja-pekerja dalam sektor swasta dari menerima faedah sama seperti yang dinikmati oleh pekerja-pekerja sektor awam.

Oleh yang demikian kami memohon untuk mengadakan satu mesyuarat seberapa segera dengan Yang Amat Berhormat bagi membincangkan isu ini

Sekian terima kasih.

Yang benar,

**Bagi Pihak  
Kongress Kesatuan Sekerja Malaysia**

**Syed Shahir bin Syed Mohamud  
Presiden**

**G. Rajasekaran  
Setiausaha Agung**